

CBP SAMBUT BAIK PERUNTUKKAN DANA PEMERKASAAN KOPERASI 2026

1. Co-opbank Pertama (CBP) menyambut baik peruntukkan sebanyak RM254 juta bagi pelaksanaan 28 program pembangunan koperasi sepanjang tahun 2026 yang diumumkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) pada 29 Januari 2026.
2. Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Khairil Anuar Mohammad Anuar berkata, sebagai sebuah bank koperasi, CBP melihat peruntukkan ini sebagai salah satu galakan untuk gerakan koperasi di negara ini.
3. “Sebagai sebuah bank koperasi, CBP melihat peruntukkan ini memberi galakan kepada koperasi untuk terus menjadi salah satu sektor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi geran dan pembiayaan.
4. “Kami di CBP akan terus menyokong gerakan koperasi di negara ini menerusi produk-produk seperti CBP CoSTART, deposit dan pembiayaan,”katanya menerusi satu kenyataan.
5. Terdahulu, KUSKOP melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) memperuntukkan RM254 juta bagi pelaksanaan 28 program pembangunan koperasi sepanjang tahun 2026 melalui geran dan pembiayaan yang merupakan peruntukkan tertinggi yang disalurkan sejak penubuhan gerakan koperasi pada tahun 1922.
6. Tambahnya lagi, dengan peruntukkan yang diterima ini, ianya jelas menunjukkan komitmen kerajaan dalam membantu gerakan koperasi di negara ini dan secara tidak langsung menyokong pertumbuhan ekonomi masyarakat.
7. “CBP melihat ini merupakan tanda penghargaan daripada pihak kerajaan kepada gerakan koperasi dan CBP akan sentiasa membantu dan menyokong usaha baik kerajaan dalam membangunkan gerakan koperasi di negara ini,”katanya.

-TERIMA KASIH-

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai sebuah co-opbank. CBP terus berkembang dengan kini mempunyai sebanyak 35 cawangan termasuk outlet di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

Unit Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama

ukk@cbp.com.my